



TERTARIK...
penuntut UMP
Noorsyafarah
Zakaria
mengajar
pelajar
melakukan ujian
pada program
Kids Lab di SK
Tunku Azizah
Indera Mahkota
semalam.

5,000 murid sertai Kids Lab

KUANTAN: Seramai 5,000 pelajar sekolah rendah di daerah ini terpilih menyertai program Kids Lab anjuran Basf Petronas Chemicals sejak 2004.

Program tahunan itu bertujuan memupuk minat murid sekolah rendah di daerah ini meminati mata pelajaran sains.

Jurucakap Basf Petronas Chemicals, Lee Sow Kheng berkata pelajar yang terpilih menyertai program Kids Lab berpeluang mempelajari tiga kajian membabitkan bahan kimia.

Menurutnya, selain membuat kajian kimia, murid juga menyertai ujian bertulis yang

menguji tahap penerimaan kajian yang dilakukan.

Katanya, setiap tahun 11 sekolah di daerah ini terpilih menyertai program berkenaan yang membabitkan penyertaan 1,000 murid pelbagai kaum dari sekolah berasingan.

"Sebelum ini pihak pengangjur menggunakan khidmat guru mata pelajaran sains untuk menerangkan dan mengajar murid melakukan kajian kimia, bagaimanapun tahun ini seramai 30 penuntut Universiti Malaysia Pahang (UMP) mengambil alih tanggungjawab berkenaan.

"Kerjasama Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) melan-

carkan lagi program Kids Lab yang kini semakin mendapat permintaan daripada sekolah," katanya kepada Harian Metro, di sini, semalam.

Program Kids Lab tahun ini diadakan di Sekolah Kebangsaan Tunku Azizah Indera Mahkota membabitkan penyertaan kira-kira 1,000 murid.

Sow Kheng berkata, pihak Basf Petronas Chemicals menyediakan peruntukan RM25,000 bagi menjayakan program kali ini.

Beliau berkata, pihak Basf Petronas Chemicals dengan adakan program Kids Lab akan menambahkan lagi minat murid sekolah rendah terhadap mata pelajaran